

11/05/2000

Bertaut sebagai satu pasukan

HARI ini Umno bersidang lagi. Perhimpunan Agung Umno ke-54 diadakan dalam suasana yang agak berbeza, ketika semangat membuak-buak menyeru kepada perpaduan orang Melayu. Sememangnya orang Melayu mula berpecah-belah, angkara fitnah dan sikap melampau sesetengah rakyat. Namun, semangat kental Umno yang dipimpin oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menegakkan kebenaran, tidak pernah luntur. Umno perlu terus ditegakkan untuk memperjuangkan agenda Melayu dan seluruh rakyat Malaysia, walaupun terpaksa menempuh pelbagai rintangan.

Pilihan raya umum 1999 mengajar Umno menoleh ke belakang supaya tidak terus alpa. Kealpaan akan menyebabkan pengaruh Umno terus terhakis. Barangkali kemerosotan prestasi Umno dalam pilihan raya lalu ada hikmahnya juga. Pilihan raya diadakan ketika kerajaan menghadapi masalah ekonomi yang begitu parah, ditokok pula dengan sikap segelintir rakyat yang mendapat sokongan negara asing dan institusi antarabangsa untuk menghancurkan negara. Maklumat palsu dan fitnah memburukkan pemimpin Umno disebarluaskan seluas-luasnya, seolah-olah negara ini dipimpin oleh mereka yang tidak kasih kepada negaranya. Semua ini dilakukan oleh parti pembangkang semata-mata mahu menawan hati rakyat supaya menyokong perjuangan mereka.

Rakyat bernasib baik kerana parti pembangkang hanya mampu membuat kejutan tetapi tidak dapat melepasi benteng ketahanan orang Melayu sejati yang tidak mahu melihat Umno lebur. Mereka tidak termakan pujukan apatah lagi untuk menderhaka kepada bangsa, agama dan negaranya. Walau pun perpaduan orang Melayu agak retak, namun yang jelas Umno masih terus diterima majoriti rakyat. Kini, usaha memperkukuhkan Umno dan merapatkan semula perpaduan orang Melayu, perlu dilaksanakan segera tanpa tolak ansur. Ini adalah tuntutan orang Melayu yang perlu ditunaikan. Retak perlu dicantumkan semula. Umno perlu memikirkan cara yang paling sesuai supaya parti yang menjadi tunggak bangsa dan negara terus menjadi wadah perjuangan orang Melayu.

Sebagaimana dinyatakan oleh Datuk Abdullah Ahmad Badawi yang secara rasmi dipilih tanpa bertanding sebagai Timbalan Presiden Umno, mulai hari ini, Umno perlu memperkukuhkan keyakinan bangsa. Jika orang Melayu sendiri tidak yakin dengan Umno, ia akan berkubur dari bumi ini. Inilah pilihan yang ada di depan orang Melayu hari ini sama ada mereka masih sayangkan Umno atau menjadikan parti itu lapuk ditelan zaman. Orang Melayu tentunya tidak akan membenarkan keadaan itu berlaku kerana ia adalah satu 'perjudian' yang amat besar. Orang Melayu sebenarnya tidak rela mempertaruhkan masa depan bangsa, agama dan negara ke arah kehancuran. Jasa Umno kepada orang Melayu dan seluruh rakyat sudah terbukti dan tidak boleh disangkal lagi sejak memperjuangkan kemerdekaan dan menghalang penubuhan Malayan Union.

Selaku Presiden Umno, Dr Mahathir tidak menunjukkan reaksi jemu untuk memastikan Umno terus dihormati, walaupun menyedari tindakan yang dilakukannya tidak popular. Hinggakan tindakan drastik beliau cuba menyekat penularan politik wang, turut disalahertikan seolah-olah beliau tidak demokratik. Pada hal, apa yang dilakukannya adalah untuk membersihkan parti daripada pandangan jijik masyarakat dan orang Melayu. Beliau mahu supaya Umno terhindar daripada sebarang perbuatan yang boleh mencemarkan nama baik parti. Beliau mahu setiap pemimpin Umno yang akan mewarisi kepemimpinan parti pada masa akan datang dihormati dalam dan luar

negara.

Apakah tindakannya itu hina? Sepatutnya, rakyat berterima kasih kepada Dr Mahathir yang cuba dengan pelbagai cara untuk mengembalikan kecemerlangan dan menaikkan semula imej Umno yang tercemar.

Hari ini, pemilihan jawatan tertinggi Umno turut diadakan. Perhatian diberikan kepada perebutan jawatan Naib Presiden Umno yang ditandingi oleh sembilan tokoh Umno. Sebagaimana keputusan bagi jawatan Ketua Wanita dan Naib Ketua Wanita dan Naib Ketua Pemuda, semalam, apa juga keputusan dalam pertandingan jawatan Naib Presiden Umno, perlu dilihat dalam konteks usaha pengukuhan parti. Mereka dipilih oleh perwakilan yang tentunya tahu menilai kemampuan, kekuatan dan kelemahan seseorang calon. Menang atau kalah bukanlah ukuran. Sebaliknya, setiap mereka perlu bertaut semula sebagai sebuah pasukan. Yang kalah perlu memberi sokongan kepada yang menang kerana mereka dipilih secara demokrasi. Jika sifat terpuji ini dapat dilakukan, Umno tidak perlu bimbang terhadap apa juga ancaman dari luar yang cuba menggugat.

Yang menang pula harus faham bahawa pemilihan mereka adalah suatu amanah yang harus dipikul dengan bijaksana dan penuh perasaan tanggungjawab demi maruah dan kepentingan bangsa, agama dan negara.

(END)